

Secebis mengenai:

Adat perpatih nilai dan falsafahnya



**Dato' Seri Utama
Tan Sri A. Samad Idris**

Secebis mengenai Adat perpatih nilai dan falsafahnya

oleh

Dato' Seri Utama
Tan Sri A. Samad Idris

*Dibentangkan dalam
Seminar Kerapatan
Adat Negeri Sembilan
24hb. Julai 1996*

KANDUNGAN

Muka Surat

1. Demokrasi dalam adat perpatih	4
2. Secebis mengenai: Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya	7
3. Apakah yang Dikatakan Adat	15
4. Rezeki Secupak Takkan Jadi Segantang	31
5. Jika Berlaku Perceraian	34
6. Tanah Pesaka	37
7. Nikah Sewaris	41
8. Biar lambat asal selamat	42
9. Kertas kerja dalam Seminar adat di Batu Sangkar Minangkabau 1970	46

YANG MENIMBULKAN KEKELIRUAN

Banyak orang keliru mengenai beberapa pepatah petith dan perbilangan yang terkandung dalam sistem adat Perpatih di Negeri Sembilan. Ada di antaranya yang menjadi kontroversi dan menimbulkan perbincangan dan perbahasan yang tidak kurang hebatnya.

Saya akan cuba huraikan secara ringkas akan maksud dan tujuan yang terkandung dalam falsafah pepatah ini. Mungkin kerana kurang memahami dengan mendalam akan maksudnya, maka boleh membawa kepada beberapa kekeliruan. Di antara pepatah dan perbilangan yang menimbulkan kekeliruan itu ialah:

Pertama:

Biar mati anak, jangan mati adat
Tak lekang dek panas
Tak lapuk dek hujan
Dianjak layu dicabut mati

Kedua:

Rezeki secupak tak jadi segantang

Ketiga:

Pembahagian harta pesaka

Keempat:

Nikah sewaris

Kelima:

Biar lambat asal selamat

Yang dikatakan adat itu ada 4 jenjang atau kategori:

1. Adat yang sebarnya adat
2. Adat yang teradat
3. Adat yang diadakan
4. Adat Istiadat

Selalunya orang ramai mentafsirkan adat itu kepada kategori yang keempat sahaja. Pada hal pepatah yang disebut '**Biar mati anak jangan mati adat**' itu banyak terletak kepada kategori yang pertama iaitu '**adat yang sebenarnya adat**'. Adat yang dimaksudkan di sini menurut istilah sekarang ialah '**undang-undang**'. (huraian lanjutnya sila baca seterusnya)

Yang kedua, 'Rezeki secupak tak akan jadi segantang'.

Kita sebagai insan di dunia ini ada tiga perkara yang kita tidak mengetahui kerana semuanya dalam milik dan pengetahuan Allah s.w.t. belaka.

- Pertama - Rezeki
Kedua - Jodoh pertemuan
Ketiga - Ajal dan maut
(Huraian lanjut di muka lain)

Ketiga, Pembahagian Harta Pesaka

Seperkara lagi yang menjadi persoalan yang agak berat juga kerana ia dikaitkan dengan ugama ialah, mengenai pembahagian harta pusaka yang sebahagian besarnya adalah tanah kampung dan sawah dan sedikit dusun buah-buahan. Kebun getah boleh dikatakan tidak termasuk dalam lingkungan tanah pusaka.

Tanah-tanah pusaka ini pada asalnya adalah milik satu-satu suku atau waris yang dikawal oleh Datuk Lembaga suku tersebut, ia sama sekali bukan milik individu dan ia tidak ada geran dan tidak

ada batu sempadan seperti yang kedapatan sekarang, tetapi setelah penjajah Inggeris mula menguasai Negeri Sembilan, dengan tujuan hendak memungut cukai, pada awalnya ia tidak menimbulkan masalah, tetapi "masa telah berubah musim telah berlalu", timbulah persoalan. (ikutilah cerita lanjut di muka lain)

Keempat - Nikah Sewaris

Perkara ini juga telah timbul kerana ia bertentangan dengan syarak - bagi penganut adat perpatih, seseorang yang sewaris atau sesuku merupakan - adik-beradik - kerana mereka berasal dari seorang Datuk dan seorang nenek - huraihan lanjut di muka lain.

Kelima - Biar Lambat Asal Selamat

Pepatah ini sangat mudah memahaminya - cuma setengah-setengah orang ada yang memikirkan - zaman sains dan teknologi ini, kalau mau maju mesti bergerak pantas - benarkah begitu - cuba baca seterusnya di muka lain.

KATA SAMBUTAN

DATOK HAJI ABDUL SAMAD IDRIS - Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Pedesaan) Malaysia, seorang pemimpin pergerakan yang memulai karirnya sejak dari bawah, ditengah2 massa-rakyat jelata dan pada saat ini boleh dikatakan dipuncak kegemilangannya, telah saya kenal sebagai sahabat yang selalu ramah-tamah, suka tolong menolong dan selalu menyediakan dirinya bergaul dengan orang kebanyakan. semenjak tahun 1949, yakni lebih 21 tahun yang lampau.

Dalam kunjungan saya ke Malaysia permulaan bulan Juli 1970, saya telah ditawarkan oleh Datok Haji Abdul Samad Idris untuk sekadar membacakan cheramah atau working paper yang hendak beliau ucapkan dimuka Seminar Adat Minangkabau, yang akan dilangsungkan di-Batusangkar Sumatera Barat, INDONESIA dari 1 sampai 8 Agustus 1970.

Mengenai bahan2 cheramah itu sendiri, saya merasakan, bahwa Datok Samad Idris, telah mengadakan penyelidikan dan penyiasatan se secara lama dan mendalam, pendeknya beliau bersungguh2 mempelajari asal usul rakyat Negeri Sembilan dan dilihat dari hasil karangan2 beliau yang terdahulu, nyatalah bahwa seorang tokoh politik, walaupun telah mempunyai kedudukan sebagai Menteri sekalipun, belumlah kurang waktu baginya untuk mempelajari hal2 yang lain, yang bersangkutan dengan adat, kebudayaan; agama, sastera dan ilmu pengetahuan umum.

Walaupun pada saat ini, kita melihat baru tinjawan dan penelitian Datok Abdul Samad Idris mengenai asal usul rakyat Negeri Sembilan yang berdatangan dari Minangkabau, kita per- chaya dan kita mengharapkan, bahawa suatu hari kemudian, akan ada pula pemimpin2, ahli2 sejarah dan peminat kebudayaan, yang akan melakukan penyelidikan tentang asal usul datangnya orang Bugis, orang Jawa, orang Kalimantan, orang Melayu Riau, orang2 Mandahiling, orang Aceh dan suku2 bangsa kita lainnya yang bagitu ramai ke Semenanjung Tanah Melayu.

Hendaknya dapat kita jadikan perbandingan, bagi dasar sejarah dan ilmu pengetahuan, tentang asal usul perhubungan kebudayaan kita, dengan tuisan2 dan karangan2 yang dibuat oleh orang2 Barat, baik orang Inggeris ataupun orang Belanda dan ahli2 sejarah bangsa lainnya.

Generasi yang akan datang, seperti yang terlihat pertandanya pada generasi sekarang ini, sangat memerlukan perbandingan2 jalannya sejarah yang hakiki dan sebenarnya, antara buah karangan penulis2 kita sendiri, dengan buah fikiran dan perkiraan2 para penulis bangsa lain.

Sejarah KEBESARAN BANGSA KITA, adalah sejarah yang laksana air mengalir, berliku2 sungai yang ditempuhnya untuk sampai kemuara, laksana jalan yang berkelok2 untuk sampai kesuatu tempat perhentian yang baik dan melegakan hati, dan ini, mestilah jadi perhatian kita semua sejak dari generasi sekarang sampai generasi selanjutnya.

Suatu bangsa yang melalaikan perhatiannya terhadap perjalanan dan perkembangan sejarah, ia akhirnya akan kehilangan pegangan dan lantas akan kehilangan keperibadian, dibawa arus yang deras oleh kemajuan2 modern yang tidak berlandaskan sejarah dan kebudayaan itu sendiri.

Tentu kita akan temukan juga akhir kelaknya, suatu kebenaran yang akan diakui oleh dunia international, betapa BESAR-NYA BANGSA KITA, betapa luasnya daerah dan jazirah bangsa kita, betapa megah dan jayanya kita dimasa lampau dan betapa kuatnya hasrat kita, untuk kembali jaya dan gemilang ditengah pergaulan international yang serba modern dan chepat ini.

Kalau kita dalami bahan2 yang diuraikan oleh Datok Samad ini, akan timbul satu pertanyaan, sudahkah Para Ahli Sejarah kita umumnya, atau para peminat sejarah Adat khususnya, mampu untuk menampung atau sudahkah mampu untuk memberi "wadah" atas chita2 dan hasrat yang dituangkan Datok Samad ini? Persiapan2 apakah yang sudah disediakan oleh semua pihak, dalam jangka pendek dan jangka panjang?

Jika nanti telah tersusun pula sejarah asal usul kedatangan orang Bugis, orang Mandahiling, orang Jawa, orang Aceh dan sebagainya itu ke Semenanjung Tanah Melayu, tentulah kita akan dihadapkan dengan persoalan, bagaimana asal usul BANGSA KITA YANG BESAR itu dari mulanya dan hendak kemana Bangsa kita yang besar itu diarahkan menchcapai tujuannya? Atas dasar falsafah hidup yang bagaimana?

Susah payah Datok Samad Idris, tidaklah akan sia2, karena beliau dengan cheramah ini, bukan sahaja merintis dan membuka jalan bagi satu kejayaan bangsa yang besar, tetapi mengajak dan mendorong kita semua untuk lebih mengenal diri dan peribadi kita, sebagai suatu bangsa yang besar, agar tak lapuk dek hujan, agar tak lekang dek panas, agar tak kuning dek kunik, tapi terus maju dengan dada tegak, untuk mengibarkan panji2 kebesaran amanat Laksamana Hang Tuah: "TAK MELAYU HILANG DIDUNIA!"

Suatu segi lain, dapat pula kita jelajahi sekarang ini, bahwa tidak selamanya*approach dibidang politik dan perdagangan dapat membawa kita kealam yang segar, tetapi approach dibidang sejarah dan kebudayaan, lebih memudahkan kita semua pihak, untuk melangkah maju dalam keadaan dunia yang serba penuh tanda tanya ini.

Hari depan Datok Samad Idris, sebagai seorang sahabat lama nischaya penuh dengan kegemilangan, seperti juga pastinya kegemilangan tidak pernah dapat dipudarkan atas perjalanan sejarah bangsa dan kebudayaan kita.

Sebagai seorang wartawan, yang mengembangkan sayap dan karirnya dari Semenanjung Tanah Melayu, dan sampai sekarang ini saya tetap mengikuti perkembangan di Malaysia dan Indonesia dengan penuh perhatian, saya mengharapkan, hendaknya para ahli sejarah, ahli kebudayaan, peminat bahasa dan sastera, peminat persatuan bangsa, akan membahas, meneliti dan menyambut cheramah atau working paper Datok Samad Idris ini dengan penuh kesungguhan hati dan dengan jiwa terbuka.

Kepada mereka yang tidak sempat mengikuti cheramah ini diuchapkan dimuka Seminar Adat Minangkabau itu segera langsung, dan hanya dapat membacanya melalui buku kecil yang penting ini, saya mengambil kesempatan menyerukan supaya menggunakan waktu mereka yang sangat berguna itu, mempelajari dan meneliti, cheramah Datok Samad ini, kemudian merenungkannya dalam scope pemikiran yang lebih luas.

Dengan demikian, terbukalah jalan untuk memberikan sedikit sumbangan dan dharma bakti kita kepada perjuangan bangsa yang besar ini.

Semoga dapat perhatian pembacanya sekalian dan semoga ALLAH memberi kita rakhmat serta taufiq dan hidayahnya. Amiin, Ya, Rabbal Alamiin!

Wassalam,

*
BACHTIAR DJAMILY
Pemimpin Redaksi HARIAN OPERASI
Kebon Sirih 39,
DJAKARTA.

Kualalumpur
13 Juli 1970.

PENDAHULUAN KATA

Sebelum kata dimulai, baiklah kita letakkan dasar atas pepatah Minangkabau yang sampai sekarang masih kami amalkan juga di Negeri Sembilan

kok kami mandi nak tatap dihilie2
kok mengecek tatap di-bawah2
lah lamo kaji indak baulang
lah lamo jalan indak batampuh
sebab itu dimintak kepada sidang hadirin
kok tasingguang dek naik
kok talantuang dek turun
kok kurang ririknyo nan bak batu
kok kurang susunnyo nan bak sireh
barilah ma'af sebanyak2nya
habih chupak dek bakarilaan.
Chupak kok luak tolong panuahkan
kato kok sasek tolong tapekkan
jalan kok bakelok lapangkan angok
nak sampai kito ditampek perantian nan ranchak
namun baiitu basarahlah diri kito kapado nan SATU
dibawah tilikan Angku2 nan arif bijaksano.

Pimpinan Sidang yang terhormat,
Bapak2 Pegawai Pemerintah yang saya muliakan
serta Angku2 Datuk Ninik Mamak Nan Gadang Basa Batuah
Kaum Ibu Bundo Kanduang Dalam Negeri
Alim Ulama Tjerdiik Pandai Suluah Bendang serta payuang panji
ilmu dan amalan

para ahli sejarah dan peminat kebudayaan yang sangat kami junjung tinggi
begitu pula para hadirin yang sangat kami chintai!

Assalamu'alaikum warahmatullah wabarakatuh!

Adalah menjadi kebiasaan sebahagian orang untuk memberikan kiasan dan tamsilan

yakni **Jika gunung tidak datang kepada Nabi Mohammad maka Mohammadlah yang mesti datang kegunung itu atau sebaliknya.**

Pada beberapa macham tambo dan sejarah biasa pula dipergunakan orang ibarat dan kata2

Hanyuik dipintasi

Tabanam disilami

Hilang bachari

dengan penegasan

Kok hanyuik indak dipintasi

ibarat hanyuik dibawo sangsaro dan untuang parasaian

Kok tabanam indak disilami

alamatlah bak chando batu jatuah kalubuak

tantu balumuik dalam lumpue

Kok hilang indak bachari

sangsailah dagang dirantau urang

hilang suku indak bamamak

hilang nagari indak barajo dan indak pulo bapangulu

lupolah urang asal usulnya

tachampak sahajo indak baguno

tabuang antah apo gunonyo.

Semenjak pertengahan kurun atau abad keimabelas
hubungan sejarah

hubungan kebudayaan
hubungan darah

hubungan jiwa dan perasaan telah terjalin erat antara darah dan jiwa rakyat Minangkabau dengan rakyat Negeri Sembilan berkembang baik dan berkembang biak sampai sekarang ini.

Baru pada tahun 1824 ertinya sekitar 150 tahun yang lewat hubungan Raja Pagarruyung dengan Raja Negeri Sembilan timbul dalam satu suasana baru yang nanti akan kami uraikan, satu persatu, dan masalah ini, seyogianyalah kita siasat dan kita selidiki supaya alunan sejarah, hubungan kebudayaan, hubungan darah dan jiwa, gelora hati dan perasaan jangan sampai tak tentu sasaran dan jangan pula tak tentu arah tujuannya.

Eloklah dikubak kulik nak tampak isi
bahawa gelora hati rakyat di-mana2 pun dewasa ini
ingin meletakkan dasar persesuaian
meletakkan satu saluran jiwa dan perasaan
nak **baliek duduak dilapiak nan sahalai**
nak tatap tagak ditanah nan sabingkah
setapak indak dapek dialiah2.
Dalam bentuk yang demikian
ada petunjuk dan tanda2
ayam nak pulang kapauitan
itiak nak pulang kakandang
siriah nak suruik kagagangnyo
pinang nak baliak katampuaknyo
tetapi sidang majlis inilah yang akan menjawab:
Pisang Sikalek-kalek hutan
Pisang tambatu nan bagatah
Kok Budi Tjaniago kami bukan
Kok Koto Piliang kami antah.....
Baa-lah — akhir kasudahannya!

Adapun di dalam lubuk jiwa kami tataplah ibarat pantun orang tua2:

Laguah-lagah bunyi padati
Padati urang pai ka Padang
Ganto kabau babunyi juo
Bia sapinggan dapek pagi
Walau sapiriang dapek patang
Pagarruyung takana juo!

Dalam pada itu, kalau betul apa yang sering diperkatakan dalam adat dan istiadat

sudilah kiranya sidang Majlis ini mempertimbangkan:
Kaluak Paku kachang balimbing
Tampuruang lenggang2kan
Dibawo nak urang Saruaso
Kok Iyo anak dipangku, kamanakan dibimbiang
Kok Iyo urang kampung Mamak Patenggangkan
Timbanglah pulo kami nan datang kiniko.

Dengan menyusun jari nan sapuluh
menundukkan kapalo nan tulus ikhlas
dengan hati nan janiah muko nan suchi
basatu Hak Kato Allah
dengan Hak Kato Mohammad
sarato Hak Kato Insan
satapak kami indak beranjak
salangkah kami indak beraliah
datang merandah diri
mengechek bahibo hati

kami batanyo dimano tampek kami duduak dirumah
gadang nan sembilan ruang
dimano kapuak dan lumbuang padi Bundo Kanduang
bak kato urang iyolah kami
tabanam mintak disilami
hanyuik mintak dipintasi
hilang mintak dichari.

Bak kato urang:

Mangadu nasib, ka-ibu bapo
Mangadu sakik-susah, kamamak jo kawan
Mangadu kurang ilmu, katuanku jo guru
Mangadu rumik sejarah, kapado nan ahli
Mangadu hati sanubari, kapado diri
Mangadu raso jo pariso, kapada nan tahu jo raso
Mangadu tantang hari barisuek, kanan tasuruak
Manyarahlah kami kapado sidang majlis,
Memohon rakhmat, taufiq dan hidayah,

Tuhan Yang Satu.

Salanjutnya baiklah saya mulai, dengan rangkaian che-
ramah atau pandangan hubungan kita dari segala segi
antah tapek antah tido
antah bana antah salah
eloklah kito manuangkan basamo2:

ASAL USUL KEDATANGAN ORANG2 MINANGKABAU KENEGERI SEMBILAN

Sampai sekarang, belum diketahui dengan pasti dan masih diteruskan penyelidikan dan penyiasatan, bilakah waktu, masa dan tarikhnya yang tepat asal mulanya orang Minangkabau datang ke Negeri Sembilan khususnya dan ke Semenanjong Tanah Melayu pada umumnya.

Menurut sebuah buku yang bernama SEJARAH ALAM MELAYU yang disusun oleh seorang Guru bernama BUYONG ADIL, ada keterangan2 dan petunjuk2 yang mungkin dapat dijadikan pedoman, bahawa kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan yang pertama, adalah kira2 sekitar kurun (abad) yang kelima belas Masehi.

Petunjuk itu, antara lainnya, ialah adanya sebuah kuburan atau makam, yang terdapat di SUNGAI UDANG, Linggi (satu tempat yang letaknya kira2 23 batu (miles) dari Seremban menuju kearah Port Dickson). Hal itu menunjukkan bahawa seorang yang bernama SHEIKH AHMAD telah dimakamkan di sana bagi satengah2 orang kubor itu di-anggap sebagai keramat, berhampiran dengan makam ini, terdapat juga beberapa buah makam lainnya.

Dari rupa serta bentuk batu nesan itu, serta kata2 yang dituliskan diatasnya dapatlah kita pastikan bahawa baik tulisan ataupun chara2 pembuatannya, boleh dikatakan sama serupa, dengan batu bersurat di Batusangkar dan Pagarruyung batu yang serupa boleh juga di-dapati di Aceh. Dengan demikian terdapat petunjuk, bahawa Almarhum Sheikh Ahmad berasal dari Minangkabau.

Tulisan Arab dengan perkataan "Allah" dan Bismillahirrahmanirrahim yang terdapat dibatu nesan itu jelas menunjukkan bahawa Sheikh Ahmad dan pengikut2nya adalah terdiri dari

KERAMAT SUNGEI UDANG

INI-LAH MAKAM SHEIKH AHMAD MAJNUN YANG TELAH MENINGGAL DUNIA DALAM PEPERANGAN DEKAT SINI DALAM TAHUN MASEHI 1467. TULISAN PADA TIANG BATU DI-SABELAH KAKI MAKAM ITU ADA MENYEBUTKAN NAMA-NYA DAN PERIHAL KEMATIAN-NYA DENGAN LANJUT.

TIGA KERAT BATU BESAR BERUKIR YANG DI-SABELAH KANAN-YANG DI-SEBUT ORANG "PEDANG", "SUDU" DAN "KEMUDI" ITU BARANGKALI SUDAH ADA TERDIRI DI-SINI LAMA SA-BELUM SHEIKH AHMAD MENINGGAL DUNIA.

JABATAN MUSEUM

THIS IS THE GRAVE OF SHEIKH AHMAD MAJNUN WHO DIED NEAR HERE IN BATTLE IN 1467 A.D. THE INSCRIPTIONS ON THE SANDSTONE PILLAR AT THE FOOT OF THE GRAVE GIVE DETAILS OF HIS NAME AND DEATH.

THE THREE LARGE CARVED GRANITE STONES TO THE RIGHT OF THE GRAVE "THE SWORD", "THE SPOON" AND "THE RUDDER" WERE PROBABLY STANDING HERE LONG BEFORE SHEIKH AHMAD DIED. MUSEUMS DEPARTMENT

Papan kenyataan yang terdapat di-permakaman Sheikh Ahmad Sungai Udang, Linggi, Negeri Sembilan.

mereka yang telah memelok ugama Islam, disini satu persoalan yang perlu juga diketahui khususnya oleh kami dari Negeri Sembilan, iaitu tahun berapakah orang2 Minangkabau mula2 memelok ugama Islam?

Oleh kerana Sungai Udang ini terletak dulunya dekat dengan pelabuhan kapal2 dan perahu dan kampung ini diberi nama PENGKALAN KEMPAS yang letaknya dipinggir Sungai Linggi maka tentulah Sheikh Ahmad dan rombongannya menyeberangi Selat Melaka masok melalui Kuala Linggi dan kemudian mudik sampai ka Pengkalan Kempas yang jauhnya kira2 tujuh batu dan mungkin rombongan ini telah mulai meneruka (membuka sawah ladang) di-sana dan akhirnya meninggal dunia dan dimakamkan di SUNGAI UDANG ini.


Tetapi ada pula satengah pehak yang menyangkakan, bahawa Sheikh Ahmad dan pengikut2nya ini telah mati dalam peperangan.

Dari petunjok2 ini dapat diperkirakan bahawa Sheikh Ahmad ini adalah salah saorang Minangkabau yang telah merintis jalan untuk* kedatangan orang2 Minangkabau ka Negeri Sembilan khususnya dan Semenanjong Tanah Melayu umumnya.


Ada juga keraguan disini, biasanya saorang yang namanya "SHEIKH" diawalan namanya adalah keturunan dari orang2 Arab, apakah Sheikh Ahmad ini dari keturunan Arab atau sabenar2nya bangsa Arab yang datang untuk dagang sambil menyebarkan ugama Islam, rasanya perlu juga dipersoalkan.

Dari batu2 nesan yang terdapat dipermakaman ini dan tulisan Arab yang dapat ditemukan, kita mendapat petunjok yang kuat bahawa Sheikh Ahmad meninggal dunia pada tahun 872 A.H. bersamaan dengan tahun 1467 Masehi, iaitu zaman pemerintahan Sultan Mansor Shah di Melaka 1459 hingga 1477, disini dapatlah kita pastikan bahawa rombongan ini telah datang beberapa tahun sebelum tahun 1467 itu.

Sbelum Negeri Sembilan yang ada sekarang mempunyai nama Negeri Sembilan dan daerah serta kampung2nya masih merupakan hutan belantara, dikota MELAKA telah ada sebuah



Batu2 nesan yang terdapat di-permakaman Sheikh Ahmad.



Makam Sheikh Ahmad di-Sungai Udang.

Pemerintahan atau Kerajaan yang Mashhor dan yang sangat terkenal selama satu kurun (abad) terlebih dahulu. Melihat kepada ramainya orang2 Minangkabau yang telah membuka Negeri Sembilan di Luak (Luhak) NANING - MELAKA, maka tentulah kedatangan orang2 Minangkabau ke Semenanjong Tanah Melayu, tidaklah hanya mendarat disatu tempat sahaja seperti di Kuala Linggi itu, tetapi sebahagian orang2 Minangkabau yang mendiami Naning, dan sebagian lagi tinggal di kampung2 di selatan Negeri Sembilan, boleh jadi mereka telah mendarat masuk ke Tanah Melayu melalui pantai MELAKA.

Di NEGERI SEMBILAN ada satu kata sebutan yang dapat memberikan tafsiran yang dalam dan luas, yaitu: BERPENG-KALAN DI MELAKA.

Disamping itu, banyak juga orang2 Minangkabau yang mendarat di KUALA KELANG (Port Swettenham sekarang ini), sehingga sampai sekarang masih didengar perchakapan orang2 Minangkabau kalau mereka pergi ke Tanah Melayu, mereka mengatakan KAMI PERGI KE KOLANG.

Menjelang berdirinya sebuah kerajaan di Negeri Sembilan pada tahun 1773, dapatlah kita kemukakan beberapa chatetan, tentang gelombang datangnya orang2 Minangkabau ke Negeri Sembilan sebagai berikut.

- a) Ada satu rombongan orang Minangkabau datang dengan pimpinan **Datok Raja** dengan isterinya **Tok Seri**, tapi tidak diketahui dari daerah Minangkabau yang mana asal mulanya. Mereka dalam perjalanan ke Negeri Sembilan singgah di Siak Seri Indrapura, menyeberang ke Selat Melaka, terus ke Johor dan singgah, kemudian ke Naning dan Rembau dan dari Rembau masuk ke Seri Menanti, yang ketika itu belum bernama lagi. Mereka berhenti disuatu tempat yang kemudian diberi nama **Londar Naga**, kerana ditempat itu terdapat kesan2 alur naga. Sekarang tempat itu disebut **Kampung Galau**, apa kah sebabnya diberi nama **Kampung Galau**? Inipun menghendaki satu penyiasatan juga.

- b) **Datuk Raja**, adalah kerabat dari **Datuk Bandaro Penghulu Alam** dari **Sungai Tarab**, yang datang dengan rombongannya ke Negeri Sembilan. Yang demikian, dapat diketahui, bahawa dia berasal dari Sungai Tarab tempat kedudukan Datuk Bandaro Penghulu Alam yang terkenal itu. Di Negeri Sembilan mereka membuka sebuah kampung yang kemudian terkenal dengan **Kampung Sungai Layang**.
- c) Kemudian, ada lagi sebuah rombongan orang Minangkabau dari kerabat **Datuk Makhudum Sati** dari Sumanik datang berdua bersaudara atau berdua berdunsanan, yaitu **Sutan Sumanik** dan **Johan Kebesaran**. Rombongan ini dalam perjalanan juga singgah di Siak Seri Indrapura, Melaka dan Rembau dan mereka inilah yang membuka sebuah kampung bernama **Tanjong Alam** dan sekarang terkenal dengan nama **Gunung Pasir**.
- d) Suatu rombongan orang Minangkabau lagi datang dari **Kampung Sari Lamak**, diketuai oleh **Datuk Puteh** dan mereka bertumpu dan menepati Sutan Sumanik dan Sutan Johan Kebesaran tadi. Datuk Puteh yang terkenal sebagai seorang Pawang, dukun atau bomoh atau ahli Kebathinan itu, telah memberikan nama kepada tempat bertakhtanya Yang di Pertuan Besar Raja Negeri Sembilan yang sekarang ini, dengan nama **Seri Menanti**, yang asalnya bernama **Padi Menanti**. Adapun pertukaran nama Padi Menanti menjadi **Seri Menanti**, bolehlah diperkirakan, karena perkataan Padi dalam bahasa Jawa bererti **Seri**, sesuai dengan lagak-lagu, langgam-irama Raja Pagar ruyung **Aditiyawarman** yang memang berasal dari Jawa itu.


Demikianlah asal mula perkembangan gelombang kedatangan orang2 Minangkabau ke Negeri Sembilan, yang setiap mereka datang, tentulah mereka menepati dan menemui orang2 Minangkabau yang telah terdahulu dari mereka, datang di Negeri Sembilan.

Ada pun yang pertama2 orang Minangkabau datang ke REMBAU ialah DATUK LELO BALANG dari Batu hampar, bersama dengan pengiringnya orang2 dari Batuhampar dan Mungka.

DATUK LAUT DALAM adik dari Datuk Lelo Balang, datang ke Rembau Negeri Sembilan dari Kampung Tigo Nenek dengan sejumlah para pengikutnya pula.

Satu rombongan lagi yang datang sesudah itu, membuka kampung2 baru di Rembau bernama Batuhampar, Sungai Layang, Lubuk Rusa dan Bintungan.

Kerana tidak ditemukan nama2 orang rumbongan yang terakhir ini dalam sejarah, tapi dapat diperkirakan, bahawa rombongan ini, dipimpin oleh 4 orang, yang masing2 datang dari kampung2 Batuhampar, Sungai Layang, Lubuk Rusa dan Bintungan dekat Penyalaian Padang Panjang, atau boleh jadi ada nama kampung lain yang juga bernama Bintungan yang terletak diluhak Limapuluh Kota.



Chontoh rupa bentuk kebanyakkan rumah2 orang2 Negeri Sembilan,
perhatikan di mana letak merep Minang-nya.

SERUAN PENUTUP

Demikianlah pandangan kami ala-kadarnya,
mudah2an mendapat pembahasan,
penelitian dan renungan dari para hadirin sekalian.

Dengan sangat terharu, kami dari jauh datang kesini. tapi, jauh
nan dakek, bukan alang kepalang,
rasonyo jarak indak bobiteh, oleh sebab:

Mudiak kereta Tigo Lantai
Berantai tantang Batu Taba
Banyak urang hiduik marasai
Tibo dikami tasakik bana.

Kalau betul,
tulisan berbagai macham orang kenamaan,
nan kuriak iyolah sago
kalau betul nan Sirah iyolah gundi,
nan indah iyolah baso dan nan baiak iyolah budi,
kami nak kembali melihat payuang panji kebesaran adat
Alam Minangkabau,

dengan marawa nan berkibar dengan megahnya, dan dilingkungannya
kami ingin, menchari tempat berlindung dihari panas.
tempat berteduh ketika hujan,
kalau betul ibarat kata pantun orang tua2:

Kalau rubuh Kota Malaka
Kayu dirimba Angku tarahkan
Kalau sungguh sebagai dikata
Nyawa dibadan kami barikan.

Latiak-latiak tabang ka pinang
Hinggok dipinang duo-duo
Satitiak aie dalam pinang
Disinan bamain ikan rayo-rayo.

Kami berpegang kepada kato adat dan kato shara',
karano adat basandi shara' dan shara' basandi Kitabullah:
ADAT BABUHUE SINTAK.
SHARA' BABUTUE MATI.
Oleh kerana itu,
jika makbul, pintak jo pinto,
hibo hati urang banyak, \
kasihan Tuhan dengan Rasulnya, semoga:

Lah *masak padi urang Singkarak
Masaknya batangkai-tangkai
Satangkai jarang ado nan mudo
Kabek sabalik babuhue sintak
jaranglah urang dapek maungkai
Kok uantuang.....
Tibo dinan punyo inyo rarak sahajo.

Kok nak tahu dihati kami:

Pulau Pandan jauh ditengah
Dibaliak pulau Angso Duo
Hanchua badan dikanduang tanah
Kebesaran Pagarruyung indakkan lupo.

Kalau untung,
ibarat kata orang tua2;

Puawang biduk urang tiku
Pandai mandayuang manalungkuik
Basilang kayu dalam tungku
Barulah api mangkonyo hiduik.

Kalaualah kita semua,
sudi mengamalkan,
pandangan jauah dilayangkan,
malihek bachamin taruih,
takilek ikan dalam aie,
lah tatakok jantan batinonyo,
dan lah dichubo pulo,
Gunuang alun datang kapado Muhammad,
tapi Muhammad melangkah pai kagunuang,
namun baitu,
pulang maklum bakeh angku2 sakalian,
jauhari juo nan tahu maniliak batu parmato,
hutang kami menyampaikan,
hati kami chuma mamintak bahibo2,
perasaan kami hanyolah bakato indak putuih2nyo
Kok dibalah dado kami,
kan tampak darah nan tatap sirah
kan jaleh aie nan salalu janiah,
indak lamak dek santan,
indak kuniang dek kunik.

Tapi apa yang hendak dikatakan,
mukasuik nak mamaluak gunung,
apo kan dayo tangan tak sampai,
mengapai-ngapai sajolah kami chubo.

Urang Padang mahelo banang
Disusun mangko dilipek
Dilipek baru dipartigo
Kalau dirantang namuah panjang
Elok dipunta nak nyo singkek
Padonyo kito baharui aie mato.

Pulang maklum kepada sidang majlis yang sangat kami muliakan.
Assalamu'alaikum warahmatullah Wabarakatuh.

Bapak Datuk Yth., sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tak terhingga atas gugahan dan sentuhan hati Kertas Kerja Datuk terhadap masyarakat kami ini.

Semoga Allah SWT. mengizinkan kita bersama untuk berjumpa kembali dalam waktu dekat mendatang.

Akhirnya salam hormat kami sampaikan dari rakyat Sumatera Barat, khususnya kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuan-Ku A. Rachman Yang di Pertuan Besar Negeri Sembilan Darulkuhsus.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.





GUBERNUR KEPALA DAERAH
TINGKAT I SUMATERA BARAT

Nomer 13/114/64/X/1970

P a d a g 12 Agustus 1970

Derasat/Sifat : Pribadi

K e p a d a

Lampiran : Arsip

Yth. Datuk A. Samad Idris

Perihal : Seminar Adat Minangkabau

Kuala Lumpur,

di HALAYSIA

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dengan hormat,

Pertama-tama saya panjatkan puji syukur kehadirat Allah SWT., semoga Datuk Samad Idris beserta keluarganya dalam keadaan sehat wal'afiat. Amin.

Kemudian, kami merasa teramat sayang sekali bahwa Bapak Datuk tidak dapat menghadiri sendiri pada waktu Seminar tentang Adat Minangkabau yang telah diadakan dari tanggal 1 sampai dengan 9 Agustus 1970 baru-baru ini di Batusangkar yang dihadiri pula oleh bekas Wakil Presiden Dr. Mohammad Hatta beserta sejumlah para Pemangku-pemangku Adat Alam Minangkabau.

Adalah suatu peristiwa yang sangat mengharukan terjadi dalam Seminar tersebut pada waktu Kertas Kerja Datuk dibacakan yang mendapat perhatian yang sangat baik. Malahan sejumlah peserta Seminar tersebut termasuk para Pemangku Adat Alam Minangkabau mencucurkan air matanya sewaktu mendengarkan isi Kertas Kerja tersebut.

Betapa tidak, karena dua saudara serumpun setelah sekian lama terpisah bertemu kembali. Kertas Kerja Datuk mengungkapkan pula bahwa banyak para Pemangku Adat di Minangkabau ini baru mengetahui bahwa ternyata banyak nama-nama tempat serta nama-nama kampung di Negeri Sembilan rupa-rupanya berasal dari daerah Minangkabau ini sehingga hal tersebut mencerminkan betapa masih dekatnya Minangkabau didalam lubuk hati saudara-saudaranya di Negeri Sembilan.

Karena itu timbul niat pada masyarakat Minangkabau disini untuk lebih mengetahui lagi hal ihwal keadaan saudara-saudaranya serumpun itu di Negeri Sembilan.

Bapak